Michael Joseph Carvalho dan satu lagi lwn Majlis Peguam Malaysia

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — SAMAN PEMULA NO AA-24–6–10 TAHUN 2020
ABDUL WAHAB H
27 SEPTEMBER 2021

Profesion Undang-Undang — Dana pampasan — Pemohonan untuk wang di dalam dana pampasan — Tuntutan plaintif-plaintif untuk dana pampasan ditolak oleh Majlis Peguam Malaysia kerana tidak memenuhi kriteria di bawah klausa (2) Garis Panduan Untuk Membuat Tuntutan Pampasan — Plaintif-plaintif memohon certiorari dan mandamus terhadap keputusan Majlis Peguam Malaysia — Sama ada Garis Panduan Untuk Membuat Tuntutan Pampasan bertentangan dengan s 80(2), 80(8) dan 80(9) Akta Profesion Undang-Undang 1976 — Sama ada defendan bertindak dalam ruang lingkup kuasa sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta Profesion Undang-Undang 1976 — Akta Profesion Undang-Undang 1976 ss 80(2), 80(8), 80(9), 80(12) & 111

Plaintif-plaintif telah memfailkan aduan kepada Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam terhadap Shan a/l Theivanthiran ('Shan') dari Messrs Thevin Chandran & Associates ('firma tersebut') yang didakwa telah secara curang melesapkan wang yang berjumlah RM1,042,854 ('jumlah tersebut') yang dipegang oleh firma tersebut sebagai pemegang amanah bagi pihak plaintif-plaintif untuk suatu transaksi hartanah. Lembaga Tatatertib seterusnya telah memerintahkan agar Shan dibatalkan daripada senarai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya dan mengarahkan agar Shan melakukan restitusi bagi jumlah tersebut kepada plaintif-plaintif. Disebabkan oleh kegagalan Shan untuk melakukan restitusi tersebut, plaintif-plaintif telah membuat tuntutan bagi jumlah tersebut kepada Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara ('KWPPP'), Majlis Peguam Malaysia ('defendan') namun tuntutan tersebut ditolak oleh defendan kerana pada masa material, peguamcara Shan beramal sebagai rakan kongsi di firma tersebut, oleh itu, plaintif-plaintif tidak memenuhi kriteria seperti yang terkandung di dalam Garis Panduan Untuk Membuat Tuntutan Pampasan ('Garis Panduan tersebut'). Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, plaintif-plaitif telah memfailkan saman pemula ('lampiran 1') bagi mendapatkan perintah certiorari dan mandamus. Selain itu, plaintif-plaintif juga memohon: (a) deklarasi bahawa Garis Panduan tersebut di perenggan 2(b) adalah bertentangan dengan s 80(2), 80(8) dan 80(9) Akta Profesion Undang-Undang 1976 ('Akta 166'); dan (b) deklarasi bahawa keengganan defendan untuk membayar plaintif-plaintif pampasan untuk jumlah tersebut

daripada KWPPP adalah ultra vires, tidak sah, terbatal dan melampaui kuasa defendan. Isu-isu yang perlu ditentukan adalah sama ada Garis Panduan tersebut bertentangan dengan Akta 166 dan sama ada defendan telah bertindak dalam ruang lingkup kuasa sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta 166.

Diputuskan, menolak lampiran 1 dengan kos:

(1) Seksyen 80(12) Akta 166 adalah berkenaan dengan prosedur yang harus diamalkan oleh pihak defendan dan selaras dengan peruntukan ini, defendan telah mengeluarkan Garis Panduan tersebut untuk kegunaan orang awam. Perenggan 2(b) Kelayakan dan Prosedur Garis Panduan tersebut memperuntukkan bahawa orang awam hanya boleh membuat tuntutan pampasan jika penyelewengan dilakukan oleh peguam yang mana peguam tersebut merupakan pemilik tunggal. Peguamcara plaintif-plaintif yang jelas mempunyai pengetahuan tentang kriteria tersebut sepatutnya menasihati plaintif-plaintif bahawa permohonan mereka tidak memenuhi kriteria tersebut lantas tidak melayakkan mereka membuat tuntutan (lihat perenggan 26–27, 29 & 32).

(2) Seksyen 111 Akta 166 memberi perlindungan terhadap defendan di mana defendan tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan di atas keputusan yang dibuat yang berlandaskan kepada Akta 166, melainkan jika terbukti bahawa keputusan yang dibuat tersebut adalah dengan niat jahat (lihat perenggan 35–36).

(3) Mahkamah mendapati bahawa defendan telah bertindak dalam ruang lingkup kuasa sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta 166 kerana: (a) defendan telah bertindak mengikut Akta 166 bekenaan dengan permohonan tuntutan plaintif-plaintif selaras dengan s 80(8) dan Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara 1978; (b) berdasarkan s 80(12) Akta 166 pihak defendan mempunyai bidang kuasa untuk membuat apa-apa aturan prosedur yang bersangkutan dengan pengendalian KWPPP; (c) plaintif-plaintif telah tidak memenuhi kriteria seperti yang terdapat di dalam Garis Panduan tersebut yang dikeluarkan mengikut s 80(12) Akta 166; dan (d) pada semua masa yang material, plaintif-plaintif berpengetahuan tentang prosedur dan kriteria memandangkan bahawa mereka telah diwakili oleh peguamcara dan sedar bahawa mereka tidak layak untuk memohon pampasan daripada KWPPP. Berdasarkan dapatan-dapatan di atas, pemohonan plaintif-plaintif adalah tidak bermerit (lihat perenggan 40–41).

[English summary

The plaintiffs had filed a complaint to the Advocates & Solicitors Disciplinary Board against Shan a/l Theivanthiran ('Shan') of Messrs Thevin Chandran &

Associates ('the said firm') who allegedly misappropriated RM1,042,854 ('the said amount') held by the said firm as trustee on behalf of the plaintiffs for a real estate transaction. The Disciplinary Board subsequently ordered that Shan be removed from the list of advocates and solicitors of the High Court of Malaya and directed that Shan make restitution of the said amount to the plaintiffs. Due to Shan's failure to perform the restitution, the plaintiffs made a claim for the said amount to the Advocates and Solicitors Compensation Fund ('ASCF'), Malaysian Bar Council ('the defendant') but the claim was rejected by the defendant because at the material time, Shan was a partner in the said firm, therefore, the plaintiffs did not fulfill the criteria as contained in the Guidelines On Making A Claim For Compensation ('the Guidelines'). Dissatisfied with the decision, the plaintiffs filed originating summons ('encl 1') for a certiorari and mandamus order. In addition, the plaintiffs also sought: (a) a declaration that the Guidelines in para 2(b) were contrary to s 80(2), 80(8) and 80(9) of the Legal Profession Act 1976 ('Act 166'); and (b) a declaration that the defendant's refusal to pay the plaintiffs compensation for the said amount from ASCF was ultra vires, invalid, void and beyond the defendant's power. The issues to be determined were whether the Guidelines were contrary to Act 166 and whether the defendant had acted within the scope of powers as provided by Act 166.

Held, dismissing encl 1 with costs:

(1) Section 80(12) of Act 166 was in respect of the procedure to be practiced by the defendant and in accordance with this provision, the defendant had issued the said Guidelines for the use of the public. Paragraph 2(b) of the Eligibility and Procedure of the Guidelines provided that the public could only make a claim for compensation if the malpractice was committed by a solicitor who was a sole proprietor. The plaintiffs' solicitors who clearly had knowledge of the criteria should advise the plaintiffs that their application did not meet the criteria and therefore did not entitle them to make the claim (see paras 26–27, 29 & 32).

(2) Section 111 of Act 166 provided protection to the defendant where the defendant shall not be liable to any action on a decision made pursuant to Act 166, unless it was proved that the decision made was in bad faith (see paras 35–36).

(3) The court found that the defendant had acted within the scope of its jurisdiction as provided by Act 166 because: (a) the defendant had acted in accordance with Act 166 in respect of the plaintiffs' claim in line with s 80(8) and the Advocates and Solicitors' Compensation Fund Rules 1978; (b) pursuant to s 80(12) of Act 166 the defendant had the jurisdiction to make any procedural arrangements relating to the operation of ASCF; (c) the plaintiffs had not fulfil the criteria as contained in the Guidelines issued pursuant to s 80(12) of Act 166; and (d) at all material times, the plaintiffs had knowledge of the procedures

and criteria in view of the fact that they had been represented by solicitors and were aware that they were not eligible to apply for compensation from ASCF. Based on the above findings, the plaintiffs' application was without merit (see paras 40–41).]

Undang-undang yang dirujuk

Akta Profesion Undang-Undang 1976 ss 80, 80(1), (2), (8), (9), (12), 111

Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara 1978

Subashini a/p Gunasegran (VT Singam, D Gunasegran & Co) bagi pihak perayu.
Savithiri a/p PS Ganesan (Savi Ganesan & Co) bagi pihak responden.

Abdul Wahab H:

LATAR BELAKANG

[1] Michael Joseph Carvalho dan Magdalene Anne Carvalho ('plaintif-plaintif') tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Peguam Malaysia ('defendan') yang telah menolak tuntutan/pampasan plaintif-plaintif untuk amaun yang berjumlah RM1,042,854 terhadap Shan a/l Theivanthiran ('Shan') dari Messrs Thevin Chandran & Associates ('firma tersebut') dibawah Garis Panduan Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara (*The Advocates and Solicitors Compensation Fund*) ('Garis Panduan tersebut').

[2] Plaintif-plaintif menfailkan permohonan ini melalui Lampiran 1 untuk mendapatkan perintah:

(a) certiorari untuk membatalkan atau mengenepikan keputusan defendan melalui emel yang bertarikh 22 September 2020;

(b) mandamus atau selainnya bahawa defendan membayar pampasan kepada plaintif-plaintif untuk amaun yang berjumlah RM1,042,854;

(c) deklarasi bahawa Garis Panduan di perenggan 2(b) adalah bertentangan dengan s 80(2), 80(8) and 80(9) Akta Profesion Undang-Undang 1976 (Akta 166); dan

(d) deklarasi bahawa keengganan defendan untuk membayar plaintif-plaintif pampasan untuk amaun yang berjumlah RM1,042,854 daripada Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara adalah ultra vires, tidak sah, terbatal dan melampaui kuasa defendan.

FAKTA KES

[3] Plaintif-plaintif serta dua orang lagi adik-beradik adalah benefisiari kepada sebuah hartanah yang dipegang di bawah PN No Hakmilik 155232 Lot 4091, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan ('hartanah tersebut').

[4] Keempat-empat benefisiari telah menjual hartanah tersebut kepada Kawan Properties Sdn Bhd untuk jumlah sebanyak RM2,524,410.

[5] Pada 2 Mei 2014, wang yang berjumlah RM2,145,748.50 yang merupakan baki harga belian telah diberikan kepada firma tersebut melalui Cek PBB No 440662 oleh peguam pembeli, Tetuan Leong & Leong melalui surat mereka yang bertarikh 2 Mei 2014.

[6] Setiap benefisiari sepatutnya menerima wang sebanyak RM521,427 daripada baki harga belian tersebut. Shan telah mengemukakan cek PBB No 819772 dan 819773 yang bertarikh 17 Mac 2016 yang bernilai RM521,427 masing-masing kepada plaintif.

[7] Shan telah memberitahu kepada plaintif-plaintif untuk tidak menunaikan cek-cek tersebut sehingga dia memberitahu kepada mereka untuk berbuat demikian.

[8] Sebaliknya pada 31 Mac 2016, Shan telah mendepositkan suatu cek No 828230 ke dalam akaun Maybank plaintif pertama untuk jumlah sebanyak RM1,042,854 yang dimaksudkan untuk plaintif-plaintif. Walau bagaimanapun, pembayaran ke atas cek tersebut telah dihentikan/dibatalkan.

[9] Selanjutnya Shan gagal untuk menjelaskan jumlah sebanyak RM1,042,854 yang dimaksudkan untuk plaintif-plaintif walaupun dia telah memberi jaminan akan berbuat demikian.

[10] Plaintif-plaintif telah memfailkan suatu aduan yang bertarikh 13 Oktober 2017 kepada Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam di Kuala Lumpur terhadap Shan yang beralamat di No 37, Jalan Panglima, 30000 Ipoh, Perak.

[11] Aduan tersebut telah dibuat terhadap Shan kerana dia telah secara dengan curang melesapkan wang yang berjumlah RM1,042,854 yang dipegang oleh firma tersebut sebagai pemegang amanah bagi pihak plaintif-plaintif untuk suatu transaksi hartanah.

[12] Melalui suatu perintah yang bertarikh 18 Julai 2020 ('perintah tersebut'), Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam telah memerintahkan bahawa Shan dibatalkan daripada senarai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya.

[13] Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam juga mengarahkan seperti berikut:

(a) bahawa Shan melakukan restitusi kepada plaintif pertama untuk amaun sebanyak Ringgit Malaysia lima ratus dua puluh satu ribu dan empat ratus dua puluh tujuh (RM521,427) sahaja dalam tempoh satu bulan dari tarikh perintah tersebut; dan

(b) bahawa Shan melakukan restitusi kepada plaintif kedua untuk amaun sebanyak Ringgit Malaysia lima ratus dua puluh satu ribu dan empat ratus dua puluh tujuh (RM521,427) sahaja dalam tempoh satu bulan dari tarikh perintah tersebut.

[14] Shan dan/atau firma Peguamcara Shan tidak membuat restitusi seperti terkandung di dalam Perintah Lembaga Tatatertib tersebut dan plaintif-plaintif telah menghantar suatu emel melalui peguamcara mereka, Tetuan VT Singam, D Gunasegran & Co kepada Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara, Majlis Peguam Malaysia.

[15] Pihak defendan telah merujuk kepada Garis Panduan untuk membuat tuntuan pampasan dan telah membalas emel seperti berikut:

(a) Kumpulan Wang Pampasan memaklumkan bahawa ia tidak dapat menerima dan memproses tuntutan yang dibuat terhadap peguamcara Shan kerana pada masa material, pegumcara Shan beramal sebagai rakan kongsi di firma tersebut;

(b) dengan itu, plaintif-plaintif tidak memenuhi kriteria seperti yang terkandung di dalam Garis Panduan tersebut. Sesalinan Garis Panduan tersebut telah dimajukan bersama dengan emel tersebut; dan

(c) peguamcara plaintif-plaintif adalah disarankan untuk menasihati anak guam mereka supaya merujuk kepada remedi yang sedia ada terhadap Peguamcara Shan, di bawah undang-undang.

[16] Plaintif-plaintif tidak berpuas hati dengan keputusan Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara atas alasan tidak memenuhi kriteria Garis Panduan dan selanjutnya, telah memfailkan saman pemula terhadap pihak defendan.

ISU: SAMA ADA GARIS PANDUAN TERSEBUT BERTENTANGAN DENGAN AKTA 166

[17] Peguam terpelajar plaintif-plaintif berhujah bahawa tujuan Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara adalah untuk melindungi faedah atau kepentingan orang awam yang sebagai anakguam kepada peguam, telah mengalami kerugian yang berbangkit daripada ketidakjujuran atau kecurangan peguamnya.

[18] Peguam terpelajar plaintif-plaintif menegaskan bahawa mereka adalah layak untuk mendapat tuntutan mereka daripada Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara tersebut kerana plaintif-plaintif telah mengalami kerugian yang berjumlah RM1,042,854 akibat daripada kecurangan Shan yang telah melesapkan wang tersebut yang dipegang oleh firma tersebut sebagai pemegang amanah kepada plaintif-plaintif.

[19] Plaintif-plaintif selanjutnya berhujah bahawa wang pampasan daripada Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara timbul daripada sumbangan tahunan yang diwajibkan daripada *setiap* peguambela dan peguamcara yang didaftarkan dengan defendan, tidak kira sama ada peguam tersebut menjalankan amalan guaman sebagai seorang rakan kongsi, pemilk tunggal, konsultan ataupun peguam pembantu. Maka Garis Panduan tersebut adalah bertentangan dengan s 80(2), 80(8) and 80(9) Akta 166 dan juga adalah mendiskriminasi, tidak berjustifikasi dan melanggar peraturan keadilan asasi.

[20] Peguam terpelajar plaintif-plaintif menegaskan bahawa keengganan defendan untuk membayar plaintif-plaintif pampasan untuk amaun yang berjumlah RM1,042,854 daripada Kumpulan Wang Pampasan adalah ultra vires dan adalah melampaui kuasa defendan dan adalah tidak sah, terbatal atau tidak mempunyai efek.

[21] Secara ringkasnya, dalam menangkis hujahan-hujahan pihak plaintif-plaintif, peguam terpelajar defendan menegaskan bahawa s 80 Akta 166 adalah berkaitan dengan wang pampasan yang bersifat pampasan ('compensatory in nature') di mana pihak defendan diberi budi bicara untuk memutuskan siapa yang layak menerima wang pampasan serta menyediakan kriteria untuk kesemua permohonan menuntut dari Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara tersebut.

[22] Peguamcara terpelajar defendan berpendirian bahawa selaras dengan s 80(12) Akta 166 defendan telah membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan tatacara yang hendak diikuti untuk menguatkuasakan seksyen tersebut berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara. Mengikut s 80(12) Akta 166

pihak defendan telah menyediakan Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara 1978 dan ianya tidak berlawanan dengan undang-undang ataupun ultra virus.

ANALISIS DAN DAPATAN MAHKAMAH

[23] Mahkamah telah meneliti peruntukan undang-undang yang dirujuk oleh kedua-dua pihak di mana s 80(1) Akta 166 memperuntukkan seperti berikut:

> The Malaysian Bar shall maintain and administer accordance with this section a Fund to be known as the Compensation Fund.

[24] Seksyen 80(2) Akta 166 berbunyi seperti berikut:

> Every Advocate and Solicitor shall on each occasion he applies for a Sijil Annual pay to the Malaysian Bar a contribution of such sum as *the Bar Council may from time to time determine and the Malaysian Bar shall pay that contribution to the Fund.* (Penekanan ditambah.)

[25] Manakala s 80(8) dan 80(12) Akta 166 adalah relevan dan dipertikaikan terjemahannya oleh kedua-dua pihak yang memperuntukkan seperti berikut:

> Where it is proved to the satisfaction of the Bar Council that any person has sustained loss in consequence of dishonesty on the part of any advocate and solicitor or any clerk or servant of any advocate and solicitor in connection with that advocate and solicitor's practice in Malaysia as an advocate and solicitor, or in connection with any trust of which that advocate and solicitor is a trustee, then subject to this section, *the Malaysian Bar may, if the Bar Council thinks fair and reasonable, make a grant to that person out of the Fund for the purpose of relieving or mitigating that loss.* (Penekanan ditambah.)

[26] Seksyen 80(12) Akta 166 adalah berkenaan dengan prosedur yang harus diamalkan oleh pihak defendan yang memperuntukkan seperti berikut:

> The Council *may make rules in respect of the procedure to be followed* in giving effect to this section and in respect of any matters incidental, ancillary or supplemental thereto or concerning the administration or protection of the Fund. (Penekanan ditambah.)

[27] Selaras dengan hasrat di dalam s 80(12) Akta 166 ini, defendan telah mengeluarkan garis panduan berdasarkan s 80(12) Akta 166 untuk kegunaan orang awam yang dirujuk sebagai Garis Panduan Untuk Membuat Tuntutan Pampasan ('Garis Panduan Tuntutan Pampasan') dengan syarat setiap permohonan hendaklah mematuhi Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara 1978.

[28] Klausa (2) Kelayakan dan Prosedur Garis Panduan Tuntutan Pampasan yang menetapkan kriteria/syarat yang harus dipenuhi oleh orang awam untuk memohon pampasan akibat kecurangan peguam mengatakan seperti berikut:

(1) Peguam berkenaan telah dipotong namanya dari Datarai peguambela dan peguamcara melalui Perintah Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam dalam tahun sebelumnya dan tiada rayuan yang belum selesai;

(2) *Pada masa material penyelewengan, peguam berkenaan merupakan pemilik tunggal; dan*

(3) Tiada sebarang persetujuan atas penyelesaian di luar mahkamah dicapai antara pemohon dan peguam berkenaan. (Penekanan ditambah.)

[29] Mahkamah berpendirian bahawa pengertian klausa 2(2) adalah orang awam hanya boleh membuat tuntutan pampasan jika penyelewengan dilakukan oleh peguam yang mana peguam tersebut merupakan pemilik tunggal.

[30] Dari fakta yang dibentangkan dalam permohonan ini, jelas menunjukkan bahawa plaintif-plaintif telah diwakili oleh peguamcara mereka untuk membuat tuntutan terhadap Kumpulan Wang Pampasan dan berpengetahuan tentang Garis Panduan Tuntutan Pampasan.

[31] Mahkamah bersetuju dengan pendirian defendan bahawa plaintif-plaintif telah merujuk kepada Garis Panduan Tuntuan Pampasan untuk membuat permohonan. Garis Panduan Tuntutan Pampasan juga telah dilampirkan oleh plaintif-plaintif sebagai eksh MCJ5 di dalam afidavit plaintif-plaintif untuk menyokong permohonan ini.

[32] Sehubungan dengan itu, tidak dapat dinafikan bahawa peguamcara terpelajar plaintif-plaintif mempunyai pengetahuan berkaitan dengan kriteria *peguam berkenaan perlu merupakan pemilik tunggal* dan sepatutnya menasihati plaintif-plaintif bahawa permohonan mereka tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak defendan lantas tidak melayakkan plaintif-plaintif untuk membuat tuntutan.

[33] Selain daripada itu, emel dari peguamcara plaintif-plaintif adalah jelas bahawa peguamcara mereka berpengetahuan kesemua permohonan untuk tuntutan pampasan haruslah memenuhi kriteria mengikut Garis Panduan Tuntutan Pampasan.

[34] Pihak defendan telah menyediakan satu proses untuk memohon pampasan berdasarkan kepada Akta 166 iaitu dalam klausa (2) Kelayakan dan Prosedur Garis Panduan Tuntutan Pampasan yang berbunyi seperti berikut:

A Keputusan Majlis Peguam adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

[35] Manakala s 111 Akta 166 memperuntukkan, antara lain, seperti berikut:

B

> No action or proceeding shall lie against ... the Malaysian Bar, the Bar Council ... for any act or thing done under this Act ... unless it is proved to the Court that the act or thing was done in bad faith or with malice.

C **[36]** Sehubungan dengan itu, seksyen ini memberi perlindungan terhadap defendan di mana defendan tidak boleh dikenakan sebarang tindakan di atas keputusan yang dibuat yang berlandaskan kepada Akta 166, melainkan jika terbukti bahawa keputusan yang dibuat tersebut adalah dengan niat jahat.

D **[37]** Sajauh mana terjemahan dan penguatkuasaan s 80(8) dan s 80(12) Akta 166 serta Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara 1978 terpakai, mahkamah merujuk kepada kes *Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang v Bar Malaysia* (2003) (keputusan tidak dilaporkan) yang mana dalam kes ini Lembaga Tatatertib telah menjalankan siasatan dan melalui satu perintah yang dikeluarkan pada 27 Februari 1999 peguamcara tersebut telah dipotong daripada daftarai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya.

E

F **[38]** Peguam tersebut merupakan pemilik tunggal dan peguam tersebut telah gagal menyalurkan bayaran sebagai pemegang amanah selaras dengan suatu perjanjian jual-beli. Atas sebab kegagalan pihak plaintif untuk bertindak mengemukakan permohonan bagi mendapatkan pampasan di dalam tempoh yang ditetapkan, Majlis Peguam telah enggan menerima dan mempertimbangkan tuntutan plaintif untuk mendapatkan pampasan.

G

[39] Mahkamah Tinggi Kuantan, Pahang telah membuat keputusan seperti berikut:

H

> ... tindakan atau amalan pihak Majlis Peguam di dalam mengendalikan tuntutan pemohon-pemohon adalah selaras dengan undang-undang ... dan di rangkumi oleh s 80(8) Akta Profesion Undang-Undang 1976.
>
> ... selanjutnya juga, s 80(12) Akta yang sama pula turut menyatakan *dengan jelas bahawa Majlis Peguam mempunyai bidang kuasa untuk membuat sebarang peraturan berkaitan prosedur bersangkutan dengan pengendalian Tabung pampasan tersebut.*

I

> ... sekiranya permohonan dibenarkan untuk menimbangkan tuntutan plaintif diatas merit, perkara ini sudah pasti akan menimbulkan ketidakpuasaan hati dikalangan para permohonan yang lain yang telah turut gagal didalam tuntutan mereka. Kesudahannya, tidak akan ada suatu penamatan yang mutlak.

... Mahkamah berpuas hati bahawa pihak defendan telah melaksanakan budibicara yang diberikan kepada mereka dengan saksama, rasional dan berlandaskan kepada prosedur undang-undang yang telah ditetapkan ... saman pemula di tolak dengan kos.

[40] Maka persoalan yang penting yang perlu diputuskan oleh mahkamah adakah defendan telah bertindak dalam ruang lingkup kuasa sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta 166 kepada defendan. Jawapannya adalah 'affirmative' berdasarkan kepada kedudukan berikut:

(a) pihak defendan telah bertindak mengikut Akta 166 bekenaan dengan permohonan tuntutan plaintif-plaintif selaras dengan s 80(8) dan Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Pampasan Peguambela dan Peguamcara 1978;

(b) mengikut s 80(12) Akta Profesion Undang-Undang 1976, pihak defendan mempunyai bidang kuasa untuk membuat sebarang aturan prosedur yang bersangkutan dengan pengendalian Kumpulan Wang Pampasan;

(c) plaintif-plaintif telah tidak memenuhi kriteria seperti yang terdapat di dalam Garis Panduan Tuntutan Pampasan yang dikeluarkan mengikut s 80(12) Akta Profesion Undang-Undang 1976; dan

(d) pada kesemua masa yang material, plaintif-plaintif berpengetahuan tentang prosedur dan kriteria memandangkan bahawa mereka telah diwakili oleh peguamcara dan sedar bahawa mereka tidak layak untuk memohon pampasan daripada Kumpulan Wang Pampasan.

KESIMPULAN

[41] Berdasarkan kepada pendirian mahkamah sebagaimana yang dibentangkan di atas, permohonan saman pemula plaintif-plaintif sebagaimana di Lampiran 1 adalah tidak bermerit dan ditolak dengan kos.

Lampiran 1 ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar